

# PEMBUDAYAAN USAHAWAN DALAM ISLAM: TEORI DAN APLIKASI

## CULTURALIZATION OF ENTREPRENEUR IN ISLAM: THEORY AND APPLICATION

**Solahuddin Abdul Hamid** (Corresponding author)

Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia, Email:  
solah@uum.edu.my

**Kamarudin Ahmad**

Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia, Email:  
kama@uum.edu.my

Para sarjana sependapat, personaliti usahawan seperti berkeyakinan, kuat berusaha, berani mencuba, bermotivasi dan berkeinginan kepada autonomi adalah bersifat universal yang merentasi ras, budaya, mahupun batasan geografikal. Namun, apabila kerjaya profesional ini dikaitkan dengan agama Islam, segala tingkahlaku mereka perlu dilakukan secara holistik berdasarkan petunjuk Islam. Artikel ini memfokuskan kepada pembudayaan keusahawanan dalam Islam. Huraian pembudayaan tersebut adalah berasaskan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith serta pandangan intelektual Islam. Falsafah keusahawanan Islam adalah berlandaskan kepada Rabbani kerana pelaksanaan aktiviti juga merupakan sebahagian daripada syariat Islam. Justeru, personaliti usahawan Islam bukan sekadar mengandungi ciri-ciri yang dinamik dan berkompitensi, malah ia turut menekankan kesepaduannya dengan elemen-elemen spiritual.

**Kata kunci:** usahawan, ekonomi, tasawwur dan Islam

Scholars agree, entrepreneur personalities such as confident, hardworking, dare to try, motivated and eager to autonomy are universal in nature, which transcends racial, cultural, or geographical limitations. However, if this professional career is associated with Islam, all their behavior should be done in a holistic manner based on the Islamic guidelines. This article focuses on the entrepreneurial acculturation in Islam. Explanation of acculturation is based on standards set by the Quran and Hadith and Islamic intellectual thoughts. The philosophy of Islamic entrepreneurial is based on

Rabbani as implementation activities are also part of the Islamic Shari'a. Thus, Islamic entrepreneur personality not only contains the dynamic and competent features, but also emphasizes the integration with spiritual elements.

**Keywords:** entrepreneur, economy, worldview and Islam

## PENGENALAN

Manusia dijadikan hidup bermasyarakat secara fitrah (surah *al-Hujurat* (49):13). Kehidupan secara bersendirian adalah tidak mungkin kerana fitrah dan keperluan semulajadi manusia wujud secara serentak dengan proses kehidupannya bersama keinginan dan keperluan mereka yang pelbagai. Oleh kerana kemampuan dan tenaga manusia adalah terhad, maka pelbagai keinginan dan keperluan tersebut dapat dipenuhi melalui pelbagai kontrak jual beli sebagai wasilah yang diharuskan berdasarkan kemampuan yang dimiliki. Tasawwur Islam mengiktiraf bahawa aktiviti komersil ini bukan sahaja diperlukan oleh individu, malah ia juga menentukan pencapaian sosio-ekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Secara umumnya, keusahawanan Islam masih berintipatikan konsep keusahawanan itu sendiri. Apa yang berbeza ialah dari segi tasawwur, pendekatan dan penampilannya. Oleh kerana konseptual keusahawanan Islam bersifat holistik, maka falsafah dan tasawwurnya perlu didasari dengan asas-asas *al-Din* yang berfungsi sebagai fundamental untuk diterjemahkan ke dalam tingkahlaku manusia supaya perubahan yang dilakukan tidak tergelincir dari landasan Islam.

## ULASAN KARYA

Berdasarkan sejarah Islam, budaya keusahawanan telah bermula sejak awal kehidupan manusia lagi. Dua orang anak Nabi Adam a.s telah terlibat dalam dua bidang utama keusahawanan iaitu Habil memelopori bidang pertanian, manakala Qabil dalam bidang ternakan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka (Labid al-Sa'id, 1987). Selari dengan proses perkembangan dan pencapaian dalam kehidupan manusia serta persekitaran mereka dalam generasi seterusnya, aktiviti keusahawanan turut berubah dari segi bentuk dan matlamatnya.

### ***Budaya Keusahawanan dan Masyarakat Arab***

Aktiviti perniagaan sudah menjadi amalan yang biasa dalam kalangan masyarakat Arab terutamanya kaum Quraysh ('Abd al-Salam Harun, t.t.) sejak sebelum Islam lagi (surah *Quraysh* (106):1-4). Selain menerima penghormatan daripada Allah S.W.T (surah *al-Qasas*

(28):57) bangsa Quraysh juga telah diberikan *aylaf*<sup>1</sup> oleh ketua negara-negara luar. Oleh itu, mereka bebas bergerak dan menjalinkan hubungan perniagaan dengan negara-negara luar seperti Syria, Iran dan Iraq di sebelah utara pada musim panas, manakala Yaman dan Abyssinia di selatan pada musim sejuk (Afzalur Rahman, 1985; Rida Sahib Abu Hamad, 2006). Aktiviti perniagaan yang dijalankan ketika itu melibatkan pelbagai jenis transaksi. Namun, sistem transaksi yang dipraktikkan adalah berasaskan kepada pertimbangan akal semata-mata sehingga berlaku elemen penipuan, penindasan, monopoli dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat. Rafiq Yunus al-Misri (2007) menjelaskan, masyarakat Arab adalah masyarakat yang berorientasikan perniagaan sehingga Allah S.W.T memerintahkan mereka beriman dengan menggunakan bahasa perniagaan (surah *al-Saf* (61):10-11).

### ***Budaya Keusahawan Dalam Masyarakat Islam***

Rasulullah s.a.w sendiri yang berketurunan Quraysh merupakan seorang usahawan yang disegani sama ada ketika zaman Jahiliyyah mahupun selepas kerasulannya. Sejarah yang masyhur mencatatkan Baginda s.a.w pernah dua kali mengembara ke Syam atas urusan perniagaan. Pengembaraan pertama lebih merupakan sebagai pendedahan bersama rombongan bapa saudaranya, Abi Talib. Manakala dalam pengembaraan kedua, Baginda s.a.w sendiri membawa barang dagangan Saidatina Khadijah binti Khuwaylid berkonsep sistem "*mudarabah*" dari Tanah Hijaz ke Syam untuk diniagakan. Berbekalkan akhlak yang mulia seperti jujur, amanah serta bertanggungjawab, Baginda s.a.w telah menarik dan memuaskan hati ramai pembeli sehingga berjaya memperolehi keuntungan yang besar. Personaliti ini juga telah mendorong Saidatina Khadijah untuk menjadi isteri kepada Baginda s.a.w (Abu al-Hassan al-Nadwi, 1977; Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 1991; Ibn Hisham, 1992; Ibn Kathir, 1997),

Selepas berhijrah ke Madinah, Rasulullah s.a.w telah memberikan perhatian yang lebih besar kepada bidang perniagaan dengan membangunkan sebuah pasar khas untuk umat Islam. Lokasi dan aktiviti yang terpisah daripada pasar yang dikuasai orang-orang Yahudi Bani Qaynuqa' ini sentiasa dipantau oleh Baginda s.a.w dengan memberi bimbingan, pelajaran, peringatan serta pengawasan kepada para penjual dan pembeli. Para sahabat termasuk juga para sahabat besar seperti Saidina Abu Bakr, Saidina 'Umar, Saidina 'Uthman, al-Zubayr bin al-'Awwam dan 'Abd al-Rahman bin 'Awf turut memainkan peranan aktif dalam aktiviti perniagaan ini (Salih Muhammad al-Fahd al-Mazid, 1403M; 'Abd al-Sami' al-Misri, 1986; Yusuf al-Qaradawi, 2001; Rafiq Yunus al-Misri, 2007). Situasi ini diperkuatkan oleh kata-kata Abi Hurayrah r.a. bahawa "*para sahabat daripada kalangan Ansar sibuk dengan urusan harta benda mereka, manakala para sahabat daripada kalangan Muhajirin pula sibuk dengan transaksi jualbeli di pasar, sedang aku sentiasa mendampingi Rasulullah s.a.w dengan perut yang kenyang.*

---

<sup>1</sup>Permit perjalanan perdagangan dan jaminan keselamatan yang diperolehi dari negara jiran.

*Kerana itu, aku selalu hadir apabila mereka tidak hadir, dan aku hafal ketika mereka lupa”*. Beliau adalah orang yang miskin di antara penghuni suffah<sup>2</sup>.

Kedatangan Islam telah membawa bersama reformasi dengan tetap menitikberatkan kebaikan aktiviti perniagaan tetapi pada masa yang sama mengutuk sekeras-kerasnya sikap para peniaga yang memperolehi kekayaan dengan cara menindas hak orang lain. Reformasi tersebut melibatkan penghapusan dan penambahbaikan amalan sistem muamalah sedia ada. Antaranya, menghapuskan transaksi jualbeli yang jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam seperti mengharamkan amalan riba, judi, perniagaan barangan yang haram (arak, babi, anjing dan barangan najis). Contohnya pada tahun pembukaan Kota Mekah, Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah dan RasulNya telah mengharamkan penjualan arak, bangkai, babi dan patung”. Baginda s.a.w. ditanya: “Wahai Rasulullah, bagaimana tentang hukumnya lemak bangkai? Ia dapat dipergunakan untuk mengecat perahu dan meminyaki kulit-kulit serta digunakan untuk menerangi lampu”. Baginda menjawab: “Tidak boleh, ia adalah haram, Allah S.W.T telah melaknat orang-orang Yahudi lantaran selepas pengharaman oleh Allah, mereka telah mencairkan lemak itu untuk dijual dan mereka makan hasil jualannya”<sup>3</sup>*

Manakala amalan-amalan kontrak yang tidak bertentangan dengan Syarak telah dikekalkan dengan membuat beberapa modifikasi terhadap jenis-jenis kontrak yang kurang jelas isi kandungannya. Terdapat juga amalan kontrak yang diiktiraf dari segi nama dan amalannya seperti kontrak gadaian dan sewaan (Ibrahim Musa al-Shatibi, 2003; Yusuf al-Qaradawi, 2001). Hasilnya, aktiviti ekonomi mengalami gelombang transformasi ke arah yang lebih positif dalam

<sup>2</sup>Lihat, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (1989), *Fath al-Bari bi-Sharh Sahih al-Bukhari*, no. Hadith 2047, j. 4, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 361.

<sup>3</sup>Lihat, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Ju‘fi al-Bukhari (2000), “Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Buyu’, Bab Bay’ al-Maytah wa al-Asnam*, no. Hadith 2236”, dalam Salah bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (peny.), *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, h. 173, Abu al-Hussayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (2000), “Sahih al-Muslim, *Kitab al-Musaqah wa al-Muzara‘ah, Bab Tahrim Bay’ al-Khamr wa al-Maytah wa al-Khinzir wa al-Asnam*, no. Hadith 4048” dalam Salah bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (peny.), *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, h. 952, j. 8, h. 247, Abi Dawud Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sijistani (t.t.), *Sunan Abi Dawud, Kitab al-Buyu’, Bab fi Thaman al-Khamr wa al-Maytah*, no. Hadith 3486, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, h. 626, Abi ‘Isa Muhammad Bin ‘Isa Bin Surah al-Tirmidhi, (1987), *Al-Jami’ al-Sahih, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Buyu’, Bab Ma ja’a fi Bay’ Julud al-Maitah wa al-Asnam*, no. Hadith 1297, j. 3, Beirut: Dar Kutub al-‘Alamiyyah, h. 591, Ahmad bin Shu‘ayb al-Khurasani (t.t.), *Sunan al-Nasa‘i, Kitab al-Fara’ wa al-‘Atirah, Bab al-Nahy ‘an al-Intifa’i bi Shuhum al-Maytah*, j. 13, h. 17, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, Ibn Majah (t.t.), *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Tijarat, Bab Ma la Yahillu Bay’ihi*, no. Hadith 2167, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, h. 373, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Marwazi al-Baghdadi (t.t.), *Musnad Ahmad, Kitab Musnad al-Mukthirin min al-Sahabah, Bab Musnad ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As*, j. 14, Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 240.

sistem peradaban manusia. Situasi ini menunjukkan bahawa Islam tidak pernah mengharamkan aktiviti perniagaan, malah ia adalah sebagai *daruriyyah* dalam kehidupan manusia, manakala norma-norma masyarakat yang baik dan tidak bertentangan dengan prinsip Islam tidak perlu dihapuskan.

### ***Zaman Kegemilangan***

Ketika zaman pemerintahan kerajaan Bani ‘Abbasiyyah, aktiviti perniagaan berkembang semakin pesat hasil rangkaian komunikasi yang luas antara orang Arab dan ‘*Ajam* terutamanya selepas pemindahan pemerintahan kerajaan pusat ke Baghdad. Lokasi kota Baghdad adalah strategik bagi laluan perdagangan darat dan laut. Hasilnya, masyarakat Islam berjaya menguasai jalan perniagaan sutera dari negeri China ke Baghdad menuju ke Halb dan Damsyik, kemudian ke pelabuhan-pelabuhan di negeri Syam di Laut Putih Tengah (Mediterranean). Begitu juga hubungan jalan laut dari kepulauan Hindia Timur dan India ke Laut Merah ke Teluk ‘Aqabah atau Terusan Suez menuju ke Pelabuhan Iskandariah dan kemudiannya ke pelabuhan-pelabuhan di Eropah di Laut putih. Dari jalan laut berpindah ke jalan darat pula hingga ke Asia dan Afrika Utara (Muhammad ‘Awad al-Huzaymah *et al.*, 1991; Shahadah al-Natur *et al.*, 1996; ‘Abd al-Sami‘ al-Misri, 1986. Kemuncaknya sistem perniagaan masyarakat Islam telah dijadikan sebagai panduan perniagaan antarabangsa antara Timur dan Barat sejak kurun ke 9 hingga 13M (Muhammad Ahmad Siraj, 1988). Perkara ini turut diakui oleh Dunn (2004) yang mengatakan orang-orang Islam pada abad ke 14M sudah pun berada di seluruh dunia. Mereka merupakan para pedagang yang kaya, bersifat kosmopolitan dan pantas bergerak dari sebuah rantau ke sebuah rantau yang lain.

Muhammad ‘Awad al-Huzaymah *et al.* (1991), menjelaskan konsep hubungan manusia dengan Allah S.W.T adalah dalam bentuk ‘*Ubudiyyah*, manakala hubungan dengan para nabi dan rasul adalah dengan mengambil teladan dan petunjuk. Kerjaya usahawan berdasarkan tasawwur Islam bukan sekadar mencari keuntungan untuk menyara keperluan hidup diri dan keluarga semata-mata. Malah, apa yang lebih penting usahawan menawarkan khidmat kebajikan kepada masyarakat dengan memenuhi keperluan mereka untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang diingini.

## **METODOLOGI**

Artikel ini akan menganalisis pembudayaan keusahawanan berdasarkan tasawur Islam dalam aspek teori dan aplikasi. Huraian persoalan teoretikal gagasan tersebut adalah berasaskan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith serta pandangan para intelektual Islam supaya kerangka pemikiran dan perbincangan yang terhasil adalah selari dengan tasawwur Islam.

### **Analisis Dan Perbincangan**

Generasi terbaik umat Islam sepanjang zaman (zaman nabi s.a.w, sahabat dan tabiin) telah membuktikan bahawa mereka berjaya dalam bidang keusahawanan melalui kaedah pelaksanaan yang bersifat secara holistik dengan berteraskan asas-asas Islam yang syumul. Imam Malik mengingatkan bahawa urusan sesuatu umat tidak akan menjadi baik melainkan dengan apa yang telah menjadikan baik bagi umat yang terlebih awal (Abu al-Hassan 'Ali al-Nadwi, 1978). Maka, sebaik-baiknya panduan dan model pembangunan usahawan Muslim dewasa ini haruslah datang daripada masyarakat awal Islam tersebut. Malangnya para cendekiawan dan intelek Islam masa kini kurang mengetengahkan konsep keusahawanan Islam seiring dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak kepada masyarakat. Lopez dan Raymond (1970) menyatakan pengabaian masyarakat Arab dan bukan Arab moden terhadap karya-karya besar yang menceritakan kekayaan sejarah ekonomi dunia Islam telah menyebabkan kita hanya mengetahui sedikit sahaja mengenai aktiviti perdagangan Muslim pada abad ke 8 dan ke 9M.

### ***Galakan Ke Arah Pembudayaan Keusahawanan***

Kerjaya sebagai usahawan adalah salah satu bidang yang paling baik untuk diceburi. Umat Islam telah diseru supaya bersungguh-sungguh melibatkan diri dalam aktiviti komersil ini (Yusuf al-Qaradhawi, 1972; Shahadah al-Natur *et al.*, 1996; Rida Sahib Abu Hamad, 2006). Walaupun terdapat juga peruntukan dalam Islam untuk bekerja dengan orang lain sebagai tukaran gaji tetap, namun galakan sebenar adalah menjurus ke arah pembangunan keusahawanan.

Al-Quran telah memanasifasikan galakan ini secara jelas kepada umat Islam melalui seruannya supaya seperti "*berusaha mencari, menggunakan segala bentuk sumber yang ada di dunia dan mewujudkan peluang baru untuk tujuan yang sama*" (surah *al-Jathiyah* (45): 12-13; *al-Hijr* (15): 19-22; *al-An'am* (6): 141; *al-Najm* (53): 39; *al-Nur* (24): 37; *al-Jumu'ah* (62): 9; *al-Tawbah* (9): 24). Pengertian di sebalik seruan-seruan ini tidak hanya sekadar bekerja untuk orang lain, tetapi turut merangkumi bidang pertanian, perlombongan, perdagangan, perniagaan, perkilangan dan pelbagai aktiviti ekonomi yang lain yang lebih merupakan gambaran fungsi keusahawanan (AbulHasan M. Sadeq, 1990). Selain daripada ayat-ayat berbentuk umum, terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang secara khusus menyebutkan perkataan perniagaan (*tijarah*) (surah *al-Nisa'* (4): 29) atau jual beli (*al-bay'*) (surah *al-Baqarah* (2): 275) secara khusus. Allah S.W.T juga telah mengharamkan hamba-hambanya daripada memakan harta orang lain dengan cara yang batil, tetapi mereka diharuskan memakan harta orang lain melalui perniagaan yang disyariatkan. Manakala bentuk perniagaan yang dimaksudkan bukan merujuk kepada aktiviti di satu tempat tertentu sahaja, malahan terdapat galakan supaya ia diperluaskan daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain walaupun terpaksa merentasi lautan (surah *al-*

*Fatir* (35):12).

Selanjutnya, Yusuf Kamal Muhammad *et al.* (2001) mengatakan, galakan terhadap keusahawanan bukan sahaja berdasarkan kerjaya profesional ini telah dibenarkan oleh Allah S.W.T kepada umat Islam semasa dan selepas mereka menunaikan ibadat haji (surah *al-Baqarah* (2): 198), malah ia juga telah digambarkan seperti berjihad di jalan Allah S.W.T (surah *al-Muzammil* (73): 20). Pandangan tersebut selari dengan Badr al-Din al-'Ayni yang menyatakan bahawa kedudukan *Kitab al-Buyu'* yang diletakkan selepas perbincangan mengenai ibadah dalam susunan *Kitab Sahih al-Bukhari* jelas menggambarkan kepentingan bidang perniagaan berbanding bab-bab lain seperti perkahwinan, kekeluargaan dan jenayah. Manusia mampu untuk mengelak daripada berkahwin tetapi semua manusia tidak akan terlepas daripada memasuki bidang keusahawanan sama ada sebagai penjual, pembeli ataupun pengguna. Manakala Yusuf al-Qaradawi (2001) merumuskan, jika usaha perniagaan ditinggalkan nescaya terhenti kehidupan dan musnah sebahagian besar makhluk.

### ***Manifestasi Galakan Pembudayaan Usahawan Dalam Islam***

Sarjana Islam (Rafiq Yunus al-Misri, 2007; Abulhassan Muhammad Sadeq, 1991), dan Barat (Drucker, 1985; McGrath, & IMacMillan, 2000; Forsyth, 2005) sependapat bahawa perniagaan adalah aktiviti yang sentiasa berisiko dari segi pelaksanaan dan pulangan berbanding pekerjaan konvensional yang lain. Tiada siapa yang mampu menjamin keuntungan yang baik atau menghalang daripada berlakunya kerugian daripada sesuatu aktiviti perniagaan. Dalam erti kata lain, walaupun kerjaya ini menjanjikan keuntungan, namun ketidakpastian pulangan merupakan pengaruh negatif yang menghalang perkembangan sesuatu perniagaan kepada tahap risiko yang lebih tinggi. Ini kerana, terdapat satu bentuk hubungan secara langsung antara tahap risiko dengan tahap keuntungan usahawan.

Atas dasar ini, sistem ekonomi Islam bukan sekadar menggalakkan pembudayaan usahawan, malah terdapat mekanisme khusus bagi merealisasikan serta mengukuhkan dorongan tersebut. Dalam hal ini, sistem kewangan Islam lebih cenderung memberikan banyak perlindungan kepada usahawan berbanding sistem perbankan konvensional dalam menghadapi risiko dan ketidakpastian pulangan tersebut. Dalam sistem perbankan konvensional, bank akan mendahului pinjaman kepada usahawan dengan syarat wang pinjaman pokok dan faedah mesti dibayar semula seperti yang telah dijadualkan. Pihak bank tidak akan berkongsi sebarang kerugian atau kegagalan yang dihadapi oleh usahawan. Sebaliknya, sistem perbankan Islam menawarkan mekanisme unik bagi melindungi usahawan daripada kesan buruk akibat kegagalan perniagaan. Contohnya, di bawah sistem *mudarabah*, segala risiko kerugian ditanggung oleh penyumbang modal, manakala usahawan pula tidak menerima ganjaran (Abulhassan Muhammad Sadeq, 1991). Selain itu, keusahawanan Islam juga dapat dibangunkan melalui kontrak pemberian bantuan modal berbentuk pinjaman kebajikan (*Qard*

*al-Hasan*) serta pengagihan semula harta kekayaan melalui zakat perniagaan, wakaf, sedekah dan lain-lain sumbangan. Malahan, kewujudan institusi zakat itu sendiri adalah gambaran bahawa keusahawanan adalah aktiviti ekonomi yang tabii dalam Islam. Penguatkuasaan zakat perniagaan tidak dapat dilaksanakan sekiranya umat Islam tidak berniaga, bekerja atau bertani. Selain itu, keunggulan personaliti dan ketinggian motivasi semata-mata tidak berkemampuan untuk merealisasikan potensi yang optimum dan seterusnya menggerakkan sesebuah sistem ekonomi. Personaliti seperti ini seharusnya disertakan dengan kemahiran yang sesuai melalui latihan yang mencukupi, kemudahan kewangan serta fizikal (Umar Chapra, 1992). Ini kerana, kualiti seseorang usahawan dan aktiviti keusahawanan bukan hanya berdasarkan pemberian Tuhan semata-mata, tetapi ia juga adalah hasil pendidikan, latihan dan bantuan program yang berkaitan. Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan keusahawanan merangkumi dorongan serta bantuan sama ada berbentuk fizikal atau mental. Dalam masa yang sama, aspek pendidikan dan latihan perlu diutamakan kerana adalah sesuatu yang sia-sia jika bantuan kewangan diberikan kepada orang yang tidak mempunyai kemahiran atau keupayaan untuk menggunakannya (Gartner *et al.*, 2004).

Ketika membuka pasar di Madinah Rasulullah s.a.w telah memilih tempat yang strategik, sentiasa memantau dengan memberi bimbingan, pelajaran, peringatan dan pengawasan kepada para penjual dan pembeli serta berpesanan supaya tidak menyempitkan sebarang urusan yang dilakukan serta jangan dikenakan cukai daripadanya (Abu Zayd ‘Umar, 1990). Manakala dalam konteks perlaksanaan, operasi perniagaan haruslah dijalankan dengan menepati garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam. Firman Allah S.W.T:

*“Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”*

Surah *al-Baqarah* (2): 275

Ayat tersebut adalah bersifat umum yang telah dikhususkan. Sifat umum meliputi semua jenis jualbeli sehingga difahami bahawa semua jenis jualbeli diharuskan. Namun, Syariah telah mengkhususkannya dengan melarang dan mengharamkan umat Islam daripada terlibat dengan beberapa jenis jualbeli seperti kontrak atau traksaksi yang mengandungi unsur riba (al-‘Asqalani, 1989; al-Syarbini, 1994).

Dalam erti kata lain, kebebasan yang dianugerahkan kepada manusia bukanlah bersifat mutlak. Kebebasan menguruskan operasi perniagaan tersebut perlu merujuk kepada penentuan hukum oleh Syariah seperti tidak mendatangkan kesan buruk kepada pihak yang lain, beroperasi tanpa riba atau bercorak perjudian, adil, jujur, amanah, melindungi hak-hak penjual dan pembeli, menjalankan bentuk perusahaan daripada barangan dan perkhidmatan yang halal sahaja serta tekun. Keutamaan hal ini turut ditekankan oleh Imam al-Bukhari di mana sebelum membawa

Hadith-hadith mengenai kelebihan bekerja sendiri, beliau terlebih dahulu membahaskan persoalan halal dan haram serta syubhah yang perlu dielakkan oleh individu yang terlibat dalam perniagaan.

Isma'il Raji al-Faruqi (1992) memperincikan operasi keusahawanan kepada empat prinsip yang seharusnya mempengaruhi proses pengeluaran. Pertama, Syariah tidak membenarkan pengeluaran hasil atas dasar keuntungan semata-mata, sebaliknya lebih menggalakkan penyediaan barangan atau perkhidmatan yang bermanfaat kepada orang ramai. Kedua, barangan yang diharamkan oleh Syarak tidak boleh dihasilkan kecuali apabila ia amat diperlukan. Ketiga, apa yang dihasilkan mestilah dipersembahkan dengan sebenar-benarnya. Pembungkusan sebagai seni memperdayakan adalah tidak dibenarkan. Keempat, pegangan akidah adalah asas yang mendorong kepada pengeluar untuk menyedari dan mengamalkan kebenaran bukan kerana takut terhadap hukuman yang akan diterima daripada kerajaan. Selain itu, prinsip keusahawanan Islam amat mementingkan unsur keadilan dan kebebasan serta menolak sebarang unsur paksaan atau kezaliman terhadap kedua-dua belah pihak. Antaranya, mengutamakan konsep persetujuan bersama (sifat reda-meredai), melaksanakan kontrak atau menunaikan janji (surah *al-Ma'idah* (5):1) pengukuran, timbangan serta sukatan yang sempurna (surah *al-Isra'* (17):35) kejujuran dan perlindungan.

Dalam konteks pembangunan kerjaya sebagai usahawan, prinsip Islam tidak menganggap kehidupan ini sebagai satu perlumbaan, tetapi mengutamakan konsep saling tolong-menolong yang dibina dalam bentuk semangat perhubungan dan kerjasama ekonomi (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 2000). Islam menolak dengan kerasnya pembangunan ekonomi berasaskan sistem sekular seperti falsafah "*struggle for existance*", sebaliknya menyarankan kepada "*cooperation for existance*" sebagai etika hidup yang bersesuaian dengan falsafah tauhid (Nik Mustapha B Hj Nik Hassan, 1989). Atas dasar itu juga, para pengusaha perlu berpegang kepada empat prinsip asas pengeluaran berteraskan Islam iaitu, mengetahui pandangan manusia terhadap manusia dan alam, meningkatkan daya pengeluaran dalam lingkungan etika Islam, membasmu pembaziran sumber-sumber alam kerana malas serta menggunakan pendekatan ajaran dan Syariah Islam (Monzer Kahf, 1978).

Lanjutan itu, sistem ekonomi Islam terutamanya bidang keusahawanan tidak boleh beroperasi secara terasing daripada persekitaran politik, budaya, ekonomi dan teknologi. Untuk merealisasikan prinsip-prinsip di atas, kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan modal asas fizikal dan sosial serta mengurus dan menjamin keselamatan sosial dalam kalangan masyarakat (Muhammad 'Abd al-Halim 'Amr, 1999; Umar Chapra, 1970; Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq, 2001). Dalam erti kata lain, kerajaan turut memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan usahawan bermula dengan dorongan dan saranan supaya bekerja serta diikuti dengan bantuan sama ada berbentuk fizikal atau

mental. Kemudian, pihak kerajaan boleh mengenakan zakat atau cukai yang dikuatkuasakan dalam masyarakat supaya lebih pendapatan itu dapat dikongsi dengan pelbagai pihak. Kerajaan juga perlu memastikan asas akhlak (*code of conduct*) Islam dipatuhi oleh setiap individu melalui pendidikan atau paksaan jika keadaan memerlukan, menyelenggarakan keadaan pasaran yang baik, mengadakan garis panduan dan peraturan serta campurtangan secara langsung dalam bidang pengeluaran dan pembentukan modal untuk menggalakkan pertumbuhan dan memastikan keadilan sosial.

## RUMUSAN

Pensyarian budaya keusahawanan adalah berdasarkan kepada al-Quran, Hadith dan ijmak ulama. Islam telah menggariskan beberapa prinsip asas yang bersifat tetap dan anjal untuk dikembangkan selari dengan keperluan semasa selagi tidak melanggar batas-batas Syarak. Walaubagaimanapun, pembudayaannya banyak bergantung kepada daya inovasi dan usaha individu sementara kerajaan juga harus memainkan peranan sebagai pendorong, penggerak dan pengawal kepada tingkahlaku budaya komersil dan berisiko tersebut. Usahawan yang menjadikan Islam sebagai dasar, Syariah sebagai panduan dan keredaan Allah S.W.T sebagai matlamat juga menjadikan keuntungan sebagai matlamatnya. Namun, matlamat komersil tersebut, tidak mengatasi matlamat yang lebih utama iaitu untuk mewujudkan kesatuan sosial, saling cinta-mencintai, bantu-membantu, kasih sayang, keharmonian sosial dan persaudaraan.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Salam Harun (t.t.), *Tahzib Sirah Ibn Hisham*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- ‘Abd al-Sami’ al-Misri (1986), *al-Tijarah fi al-Islam*, c. 2. ‘Abidin: Maktabah Wahbah.
- Abu al-Hassan ‘Ali al-Nadwi (1978), *al-Arkan al-Arba‘ah fi Daw‘ al-Kitab wa al-Sunnah*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Abu al-Hassan al-Nadwi, (1977), *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jeddah: Dar al-Shuruq.
- AbulHasan M. Sadeq (1990), “Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development”, *Light on Islamic Economics*, j. 2. November, Issue 1.
- AbulHasan M. Sadeq (1991), *Economic Development in Islam*, c. 2. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Abu Zayd ‘Umar bin Shabbah al-Namiri al-Basri (1990), *Tarikh al-Madinah al-Munawwarah*. Beirut: Dar al-Turath
- Afzalur Rahman (1985), *Encyclopaedia of Seerah*. London: Muslim Schools Trust.
- Al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1989), *Fath al-Bari bi-Sharh Sahih al-Bukhari*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Buti, Muhammad Sa' id Ramadan (1991) *Fiqh al-Sirah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Drucker, P. F. (1985), *Innovation and Entrepreneurship*. New York: Harper & Row.
- Dunn, R. E. (2004), *The Adventures of Ibn Battuta, A Muslim Traveler of the Fourteenth Century*, University of California Press.
- Forsyth, T. (2005), *Encyclopedia of International Development*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Gartner, W. B. (1989), "Who is an Entrepreneur? Is The Wrong Question", *Journal of Entrepreneurship: Theory and Practice*, Summer, Baltimore: University of Baltimore Educational Foundation, h. 46-68.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd al-Malik bin Hisham al-Ma'afiri, (1992), *al-Sirah al-Nabawiyah, (tahqiq) Mustafa al-Saqa et al.*, j. 1. Beirut: Dar al-Khayr.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar (1997), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jizah, Mesir: Dar al-Hijr.
- Ibrahim bin Musa al-Shatibi (2003), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Isma'il Raji al-Faruqi (1992), *al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*, c. 2. Virgia, U.S.A.: International Institute of Islamic Thought.
- Khaliq Ahmad and AbulHassan M. Sadeq (2001), "Ethics in Business and Management: A Summary", dalam Khaliq Ahmad and AbulHassan M. Sadeq (eds.), *Ethics in Business and Management, Islamic and Mainstream Approach*. London: ASEAN Academic Press
- Labid al-Sa'id (1987), *Pekerjaan dan Kaum Buruh* (terj.) Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.
- Lopez, R. S. dan Raymond, I. W. (1970), "Moslem Trade in The Mediterranean and The West", dalam Lewis, A. R. (eds.), *The Islamic World and The West A. D. 622-1492*, New York: John Wiley & Sons, Inc.
- McGrath, R. G. & IMacMillan, I. (2000), *The Entrepreneurial Mindset*, Boston: Harvard Business School Press.
- Monzer Kahf (1978), *The Islamic Economy*. Indiana: The Muslim Students' Association of the United State
- Muhammad 'Abd al-Halim 'Amr (1999), "Mafhum al-Intaj wa Darurath wa Ahdafih", *Majallah Markaz Salih Kamil li al-Iqtisad al-Islami Jami'ah al-Azhar*, 3 (8), Mei-Ogos, h. 94-95.
- Muhammad Ahmad Siraj (1988), *al-Awraq al-Tijariyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad 'Awad al-Huzaymah et al. (1991), *al-Nuzum al-Islamiyyah*. c.1, Jordan: Dar al-'Umar.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (2000), *The Economic Enterprise in Islam*, Lahore: Islamic Publications Ltd.

- Nik Mustapha B Hj Nik Hassan (1989), “Pendekatan Sistem Ekonomi Islam Dalam Meningkatkan dan Memajukan Kedudukan Ekonomi Masyarakat Melayu”, *Occasional Paper Kulliyah of Economics, International Islamic University*, j. 1, Jun, h. 1-15.
- Rida Sahib Abu Hamad (2006), *al-Khatut al Kubra fi al-Iqtisad al-Islami*, c.1, Amman, Jordan: Dar Majdalawi li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Rafiq Yunus al-Misri (2005), *Usul al-Iqtisad al-Islami*, c. 4. Damsyik: Dar al-Qalam,
- Rafiq Yunus al-Misri (2007), *al-Iqtisad wa al-Akhlaq*, c. 1. Damsyik: Dar al-Qalam
- Al-Syarbini, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib (1994), *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifat Ma‘ani al-Faz al-Manhaj, (tahqiq) ‘Ali Muhammad Ma‘awwad dan ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud*. j. 2. c.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Salih bin Muhammad al-Fahd al-Mazid (1403M), *Kasb al-Mu‘azzifin wa Atharahu fi Sulukihim*, Kaherah: Matba‘ah al-Madani.
- Shahadah al-Natur et al. (1996), *al-Nuzum al-Islamiyyah, al-Tashri‘iyyah wa la Siyasah wa al-Iqtisadiyyah wa al-Ijtima‘iyyah wa al-Difa‘iyyah*, c. 2. ‘Irbid: Dar al-Amal.
- Umar Chapra, M (1970), *The Economic System of Islam-A Discussion of its Goal and Nature*, London: Islamic Culture Centre.
- Yusuf Kamal Muhammad, Mas‘ud, Jamal ‘Abd al-Hadi. dan Amin, Shaykh ‘Abd al-Radi (2001), *Kayfa Nufakkir Istiratijiya Asas al-Iqtisad al-Islami*, Kaherah: Dar al-Tawzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Yusuf al-Qaradawi (2001), *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Yusuf al-Qaradawi (1972), *al-Halal wa-al-Haram fi al-Islam*, c. 6. Beirut: al-Maktab al-Islami.